

AMANAT
KETUA PENGARAH
PLANMALAYSIA

sempena

MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL
TAHUN 2020

pada

14 Januari 2020 (Selasa)
bersamaan
18 Jamadil Awal 1441H

bertempat di

Dewan Damar Sari 3, Blok F8, Parcel F,
Putrajaya

*Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullah
hibarokatuh dan Salam Sejahtera.*

*Yang Berusaha, Puan Rohani binti Md.
Hashim, Timbalan Ketua Pengarah
Perancangan,*

*Yang Berbahagia, Dato' Dr. Zainah binti
Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah
Pembangunan,*

*Pengarah-Pengarah
PLANMalaysia @Negeri, Pengarah-
Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus
Projek, Ketua-Ketua Unit, Pegawai-
Pegawai Kader; dan semua warga
PLANMalaysia yang saya kasihi.*

MUKADDIMAH

1. Syukur ke hadrat Allah Swt. dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama di Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2020 yang diurusetiakan oleh Bahagian Korporat.

2. Saya ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2020** kepada semua **warga PLANMalaysia** dan terima

kasih diatas komitmen semua untuk hadir ke Majlis pada pagi ini.

3. Wawasan 2020 telah diperkenalkan pada 28 Februari 1991 oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju. Syukur kepada Allah atas peluang dan nikmat yang diberikan untuk sampai ke tahun ini.

4. Pada hari ini (14 Januari 2020) merupakan hari yang ke-150 sejak saya dilantik sebagai Ketua Pengarah PLANMalaysia ke-18 pada 19 Ogos 2019. Saya amat berterima kasih kepada dua (2) timbalan saya serta di atas sokongan semua lapisan pegawai kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan selama ini.

5. Pada hari ini juga, sempena tahun 2020, terukir sejarah baru PLANMalaysia dimana kita semua

diberikan kesempatan untuk merasai sendiri berada di dewan Parcel F8 yang tersergam indah ini. Bangunan Parcel F5 bakal menjadi ibu pejabat baharu PLANMalaysia dijangka beroperasi sepenuhnya pada 10 Februari 2020. Penantian hampir 15 tahun kini menjadi kenyataan dan adalah menjadi harapan saya agar semua lapisan pegawai dapat bekerja dengan lebih bersemangat, proaktif serta inovatif bagi meningkatkan produktiviti Jabatan selaras dengan *tagline* kita iaitu

**‘Perancangan
Kelaziman’.**

Melangkaui

Hadirin yang dihormati sekalian,

**PERKEMBANGAN SEMASA DALAM
DAN LUAR NEGARA**

6. Malaysia telah dicatatkan berada ditangga ke-12 berbanding tangga ke-15 pada tahun lalu di dalam Laporan *Doing Business 2020* oleh Bank Dunia.

Ini telah meletakkan kita bersaing dengan negara jiran di Asia Tenggara:

- Singapura (2);
- Hongkong (3); dan
- Korea (5)

7. Kita juga telah mendahului Negara-negara maju yang lain seperti :

- Australia (14);
- UAE (16);
- Germany (22);
- Jepun (29); dan
- China (31).

Laporan ini penting ke arah memastikan Daya Saing Negara dalam merangka peraturan dan dasar perancangan serta pembangunan yang mesra pelaburan dan perniagaan di masa hadapan.

8. Bagi memastikan daya saing Negara terus dipertingkatkan, **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)** telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 untuk dijadikan *blueprint* ataupun kerangka halatuju Negara bagi

tempoh 10 tahun bermula 2021 sehingga 2030.

9. Matlamat utama WKB2030 adalah untuk:

i. Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat;

- ii. Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rangkaian bekalan bagi membela semua lapisan rakyat supaya tidak ketinggalan; dan

- iii. Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

10. Sejak tahun 2019, PLANMalaysia telah bersedia dalam proses penyediaan RMKe-12. Cadangan awal projek RMKe-12 yang telah dikenalpasti adalah sejajar dengan inisiatif WKB2030. Selain itu, Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS) yang mengintergrasikan nilai kerohanian dalam perancangan dan mengambil kira hubungan di antara **Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia, serta Manusia dengan**

Alam Sekitar telah dijadikan rujukan untuk merealisasikan perancangan bandar yang holistik di dalam Negara.

11. WKB2030 juga bermatlamat untuk memastikan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030 tercapai. Ini juga adalah selaras dengan matlamat yang didukung oleh **United Nations Agenda 2030** untuk mencapai **Agenda Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals,**

SDG's) di mana, pendekatan pembangunan inklusif yang tidak meminggirkan sesiapa pun di bawah prinsip '*leaving no one behind*'.

12. Daripada 169 sasaran yang digariskan, PLANMalaysia telah mencapai pelaksanaan SDGs sebanyak 66.3% melalui penyediaan dokumen Jabatan. Justeru, sebagai perancang bandar terutamanya yang berada di peringkat negeri dan Pegawai-pegawai Kader hendaklah

memahami, menghayati dan merealisasikan matlamat SDG's dan *New Urban Agenda* (NUA) bagi memastikan peranan dan tugas kita sentiasa relevan dan selari dengan arus global.

**Warga PLANMalaysia yang dihormati
sekalian,**

PENCAPAIAN TAHUN 2019

Pencapaian MPFN

13. Sepanjang tahun 2019, Jabatan telah berjaya mengadakan tiga (3) kali mesyuarat MPFN dan 16 kertas kerja telah dibentangkan.

14. Peranan MPFN sebagai Majlis Tertinggi perancang bandar perlu terus diperkasakan. Saya berharap Pengarah Negeri memainkan peranan masing-masing untuk

memastikan nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh MPFN dilaksanakan di negeri masing-masing.

Pencapaian Rancangan Fizikal Negara

15. Menuju tahun 2020, RFN yang bermula pada tahun 2005 kini telah menjangkau 15 tahun pelaksanaannya. Berdasarkan Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-3 (LPPP-RFN Ke-3) yang telah dibentangkan di

MPFN Bil.2/2019, sebanyak 21 strategi iaitu 55% telah dilaksanakan dan 17 strategi (45%) masih dalam peringkat pelaksanaan. Pencapaian ini menunjukkan Kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan telah memberikan komitmen bagi menjayakan strategi-strategi yang digariskan di dalam RFN ke-3.

16. Walaubagaimanapun, pendekatan baru yang lebih berkesan perlu dilaksanakan bagi menyebarkan

penggunaan Rancangan Pemajuan Nasional (RPN).

17. Selain itu, hubungan baik yang berterusan di antara pelbagai Kementerian terutamanya MEA dan ICU perlu terus diperkukuhkan untuk mengetengahkan produk-produk Jabatan agar dijadikan sebagai sumber rujukan utama dan *checklist* yang perlu dipatuhi dalam permohonan projek RMKe-12. Untuk makluman semua, Jabatan sedang

menyediakan RFN ke-4 serentak dengan Rancangan Wilayah Bersepadu (RWB) bersama MEA.

Pencapaian Pelaksanaan Kajian

18. Sepanjang tahun 2019, Jabatan telah menyediakan 54 kajian yang merangkumi:

- i. 6 kajian strategik seperti kerangka MUO, Kajian Sempadan Fizikal Bandar dan Desa serta Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN);

- ii. 5 kajian di peringkat Rancangan Wilayah;
- iii. 3 Rancangan Struktur iaitu RSN Johor 2030, RSN Kedah 2035 dan RSN Terengganu 2050;
- iv. 17 Rancangan Tempatan;
- v. 9 Rancangan Kawasan Khas;
- vi. 14 bagi Lain-lain Kajian seperti Garis panduan, Kajian *Outcome* dan Bandar Pintar

54 kajian ini tidak termasuk yang disediakan oleh negeri dan PBT,

sebagai contoh; RSN Pulau Pinang, RSN Kelantan, RKK NSVV dan lain-lain.

19. Kepakaran Jabatan dalam penyediaan kajian terbukti dengan banyaknya kajian yang berjaya disediakan saban tahun. Walaubagaimanapun, pelaksanaan pendekatan baru perlu diterokai untuk memastikan cadangan-cadangan yang dikemukakan berdaya laksana.

20. Kajian-kajian Jabatan hendaklah memberi fokus kepada *localising* SDGs di mana semua bahagian perlu menterjemahkan produk masing-masing yang boleh memberi impak langsung kepada rakyat.

21. Saya juga berharap PLANMalaysia@Negeri terutamanya Pengarah-pengarah Negeri dapat berperanan untuk memastikan cadangan-cadangan yang telah dikenalpasti, dilaksanakan di

peringkat Negeri. Selain itu, hubungan baik di antara PLANMalaysia@Negeri, YAB Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, agensi kerajaan Negeri & PBT terutamanya Bahagian Perancang Bandar dan Unit Pusat Setempat (OSC) terus diperkukuhkan.

Pencapaian Pindaan Akta 172

22. Sepanjang tahun 2019, pelbagai sesi penerangan dan *engagement* telah dibuat ke arah merealisasikan pelaksanaan pindaan Akta 172. Sehingga kini Memorandum Jemaah Menteri berkaitan Halatuju Cadangan Pindaan Akta 172 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri dan sedang menunggu arahan Peguam Negara untuk pembentangan di Parlimen.

23. Walaubagaimanapun, saya menyarankan agar pemeraksanaan PLANMalaysia terus dilaksanakan dengan mewujudkan hubungan (link) dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di antara Ketua Jabatan, Kementerian dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) di dalam Akta 172.

Penglibatan Antarabangsa

24. Sebagai usaha untuk mempromosikan peranan Jabatan di Peringkat Antarabangsa, PLANMalaysia telah terlibat sebagai pembentang dan pempamer di dalam:

- i. *Malaysian Urban Forum (MUF) 2019* di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada Februari 2019;

- ii. *Seventh Asia-Pacific Urban Forum (APUF-7)* di Pulau Pinang pada Oktober 2019; dan
- iii. National Planning Congress (NPC) di Putrajaya pada November 2019.

Selain itu, Jabatan juga sedang merangka untuk turut serta di dalam *World Urban Forum 10* di Abu Dhabi pada bulan Feb 2020 melalui

pengendalian sesi *Networking* dan *Side Event*.

25. Di masa hadapan, usaha untuk melibatkan Jabatan di peringkat Nasional dan Antarabangsa perlu lebih dipergiatkan. Sehubungan itu, saya berharap semua bahagian dapat mengenalpasti rakan-rakan strategik dalam dan luar negara mengikut bidang kepakaran Jabatan bagi membina rangkaian kepakaran

seterusnya, menjadikan Jabatan sebagai pusat tumpuan. Sepanjang tahun 2019 juga, kita telah menerima 17 lawatan delegasi dalam dan luar Negara bagi mempelajari produk-produk yang telah dikeluarkan oleh Jabatan.

Karnival Sukan Nasional Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (SUKNA) Kali ke-19

26. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KESPERB,

PLANMalaysia@Negeri Sembilan serta semua atlet perancang dari seluruh negeri atas semangat, usaha dan kejayaan yang dicipta semasa SUKNA ke-19 yang diadakan pada Julai tahun lalu di USIM, Nilai Negeri Sembilan.

27. Untuk tahun 2021, Pahang merupakan tuan rumah untuk SUKNA ke-20. Saya berharap anjuran pada tahun hadapan akan menjadi lebih meriah dengan kehadiran kontinjen yang lebih ramai untuk bersama-sama terlibat dalam sukan yang diadakan secara dwi tahunan ini.

Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2019

28. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2019 telah berjaya diadakan di peringkat kebangsaan dan negeri yang bertemakan “*Green & Community: Together is Better*”. Hasil daripada penganjuran ini, kita telah mencapai 12,000 orang (120%) penglibatan komuniti dan jumlah pokok yang ditanam melebihi sasaran 3,000 pokok, iaitu kita berjaya

menanam sebanyak 12,207 pokok (400%).

29. HPBS pada tahun ini perlu dirancang dengan berfikir ke arah yang lebih kreatif, inovatif serta *outreach* kepada orang awam yang lebih signifikan dengan profesion perancang bandar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Anugerah Zero MC Dan Zero RED

30. Di bawah kepimpinan yang lalu, anugerah *Zero MC* dan *Zero RED* diperkenalkan bagi menggalakkan kehadiran seluruh warga PLANMalaysia ke pejabat. Pada tahun ini, anugerah tersebut tidak dilaksanakan dengan mengambilkira inisiatif Kerajaan yang telah melaksanakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara bagi

memudahkan penjawat awam memenuhi tempoh waktu bekerja sehari (9 jam) mengikut masa yang ditetapkan. Oleh itu, saya berharap semua warga PLANMalaysia terutamanya berada di Ibu Pejabat untuk memanfaatkan peluang yang diberikan ini dengan membahagikan masa dengan lebih teratur.

31. Bagi menggalakkan kehidupan yang sihat antara warga PLANMalaysia, Anugerah Trim & Fit telah diteruskan yang bermula sejak tahun 2018. Saya

dimaklumkan, pencapaian penurunan berat badan tahun 2019 adalah lebih banyak dari tahun 2018. Syabas dan tahniah kepada peserta yang terlibat. Saya berharap semangat dan usaha seperti ini diteruskan bagi mengekalkan kehidupan yang sihat dan positif yang mendorong kepada pekerja yang lebih proaktif.

PRESTASI PERBELANJAAN

MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

32. Mengenai **prestasi perbelanjaan P.32 dan B.32 PLAN** Malaysia pada tahun 2019, daripada keseluruhan peruntukan sebanyak **RM77.50 juta**, suka saya umumkan **peratus perbelanjaan pembangunan (P.32) adalah sebanyak 99.45%**, manakala bagi **belanja mengurus (B.32) adalah 96.59%**.

WAY FORWARD TAHUN 2020

33. Demi memartabatkan peranan PLANMalaysia dalam perancangan fizikal Negara selaras dengan Akta 172, kita akan terus berusaha membawa KWP ke arus perdana melalui penjenamaan dan pengembangan fungsi KWP.

34. Ke arah penglibatan Jabatan dalam penyediaan **RMKe-12**, PLANMalaysia terlibat dalam 6

Kumpulan Perancang Antara Agensi
(Inter Agency Planning Group: IAPG)
daripada 13 IAPG yang diwujudkan.
Ini membuktikan kekuatan bidang
kepakaran Jabatan sangat
diperlukan dalam menentukan hala
taju pembangunan Negara.
Semalam, Jabatan telah
memuktamadkan **xxx** projek bagi
Rolling Plan Pertama (RP1) RMKe-
12 tahun 2021-2022 dalam
Mesyuarat Jawatankuasa Khas
Perancangan, Penyelarasan dan

Pemantauan Projek-Projek
Pembangunan (JK5P) yang
dikemukakan kepada KWP dan
seterusnya dikunci masuk ke dalam
Sistem Pemantauan Projek (SPPII).
Saya berharap dengan cadangan
projek-projek ini dapat membantu
Negara mencapai matlamat yang
digariskan dan mengukuhkan
peranan serta fungsi Jabatan dengan
menjana aktiviti dan program dalam
tempoh pelaksanaan RMKe12.

35. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) merupakan agenda penting bagi KWP. Melalui SHWP, Jabatan berpeluang untuk mengembangkan peranan Jabatan dengan lebih berkesan ke KWP secara khususnya bersama tiga Pihak Berkuasa Tempatan yang besar iaitu DBKL, PPJ dan PL. Hubungan baik yang telah terjalin ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua. Bagi tujuan SHWP, Jabatan telah merangka *School*

Outreach Program dengan Tema PLANMalaysia bersama komuniti sepanjang bulan Februari 2020. Antara pengisian yang akan dibuat adalah *Town Planning Bootcamp* dan Pertandingan Melukis Poster. Ini adalah sebahagian usaha jabatan untuk mempromosikan bidang perancangan bandar ke pelajar-pelajar sekolah.

36. Selaras dengan sambutan di peringkat Global, Jabatan juga

sedang merangka untuk
mengadakan **Sambutan Hari
Kebahagiaan Sedunia
(International Happy Day)** yang
disambut pada setiap 20 Mac
dengan tema *Happier Together*.
Program ini adalah sangat signifikan
bagi saya kerana kebahagiaan rakyat
adalah sangat berkait rapat dengan
kualiti kehidupan yang kita
rancangkan kepada rakyat. Semoga
penglibatan kita melalui program ini
akan menjadikan perancangan kita

benar-benar membantu menyelesaikan masalah rakyat dan membahagiakan semua.

37. Selain itu, PLANMalaysia telah dilantik sebagai penyelaras bagi penglibatan Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di dalam **Smart Nation 2020 Expo** yang akan diadakan pada 24-26 Mac 2020 bertempat di MITEC, Kuala Lumpur. Platform ini adalah peluang kepada mengetengahkan peranan

Kementerian dan Jabatan dalam bersama-sama meneraju pembangunan Bandar Pintar di Malaysia. Saya berharap dengan peluang yang diberikan ini, kita dapat memanfaatkan penglibatan Kementerian dan Jabatan dalam mempamerkan kebolehpayaan peranan kita ke arah perancangan dan pembangunan Bandar Pintar.

38. Bagi mempelbagaikan **penglibatan Menteri bersama Negeri** yang telah

dicadangkan semasa Resolusi Rancangan Korporat Jabatan (RKJ), PLANMalaysia@Negeri telah merangka dan mencadangkan program-program bagi memperkukuhkan peranan sebagai duta di antara YB Menteri KWP dengan YAB Menteri Besar / Ketua Menteri dan juga Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT). Setakat ini, terdapat 11 cadangan program yang telah dikemukakan dan saya berharap program-program

ini dapat memberikan impak yang positif kepada Kementerian/Jabatan peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Bagi memastikan program ini sentiasa diingati, saya menyarankan agar program yang dirancang ini perlu lebih kreatif dari segi menyampaikan dan menterjemahkan hasrat Kementerian dan Negeri di samping masyarakat dapat memanfaatkan inisiatif yang dilaksanakan.

39. **HPBS 2020** akan disambut serentak dengan *Commonwealth Association of Planner 2020 (CAP2020)* yang dianjurkan oleh MIP dengan kerjasama Jabatan.

40. Kita juga telah merangka program bagi **Sambutan 100 tahun Perancang Bandar di Malaysia** yang disambut secara rasmi pada tahun 2021. Antara program yang telah dirancang adalah ***International Professional Talk, Ride Tour,***

**Forum Perdana Hal Ehwal Islam,
Karnival 100 Tahun Profesion
Perancang Bandar Malaysia 2021,
Slot Bual Bicara Malaysia Hari Ini
TV3, 100PBM Run, Menjejaki
Charles Reade, dan Dinner
100PBM.**

41. Dengan arus perkembangan teknologi yang bergerak pantas ini, keupayaan Jabatan juga perlu dipersiapkan agar sentiasa bersama dengan perkembangan teknologi

terkini. Kita perlu merencanakan produk-produk Jabatan ke arah ***Industry Revolution 4 (IR4)*** dengan menerokai perkembangan *Artificial Intelligence (AI), Big Data Analytics, Cloud Computing, Internet of Things (IoT)* dan lain-lain perkembangan berkaitan bagi memastikan *Planning Tools* terkini diguna pakai dalam sistem perancangan Negara.

42. Kepada semua lapisan pegawai, kita perlu mengambil peluang yang

terbuka luas ini dengan memanfaatkan penggunaan sosial media sepenuhnya bagi menyebarkan segala maklumat dan produk-produk berkaitan Jabatan. Saya berharap dan menyeru kepada semua untuk ***Like*** dan ***Follow Media Sosial Rasmi Jabatan*** dengan menyasarkan *likers* dan pengikut pada tahun ini sebanyak 10,000. Saya ingin maklumkan, status terkini media sosial rasmi Jabatan sehingga 13 Januari 2020 adalah :

Media Sosial Rasmi Jabatan	Pengikut
Facebook	<i>Likes:4,100</i>
	<i>Follows: 4,240</i>
Twitter	<i>Likes:5,695</i>
	<i>Followers : 2,080</i>
Instagram	<i>Followers : 904</i>
Youtube <i>(diwujudkan pada 4 Dis. 2019)</i>	<i>Subscribers : 8</i>

43. Walaupun masih jauh lagi **Like** dan **Follow** yang disasarkan, tapi sekiranya kita bersama-sama mewujudkan sifat '**sense of belonging**' yang mempunyai perasaan bangga dengan produk-produk Jabatan, saya percaya kita mampu menuju ke arah meningkatkan lagi mutu produk dan perkhidmatan Jabatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

44. Kejayaan mengemudi nakhoda sebuah kapal amat bergantung kepada *captain* nya. Begitu juga dengan organisasi PLANMalaysia. Ia amat bergantung kepada ciri-ciri dan kualiti kepimpinan yang perlu dimiliki barisan kepimpinan bagi memastikan matlamat dan hala tuju organisasi dicapai. Saya amat percaya dengan kata-kata ini, '**leaders are made, not born**'. Justeru, saya ingin semua

warga kerja PLANMalaysia, bukan sahaja barisan kepimpinan di PLANMalaysia supaya menerapkan dan memiliki sifat **10K Budaya Kerja** yang perlu kita semua amalkan iaitu:

1. ***Ketaqwaan*** - Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat;
2. ***Komitmen*** - Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan;

3. ***Keindahan*** - Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan;
4. ***Konsistensi*** - Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan;
5. ***Kesopanan*** - Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan;

6. ***Kemesraan*** - Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai;
7. ***Kebolehpercayaan*** - Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan;
8. ***Kecemerlangan*** - Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa;

9. ***Kreativiti dan Inovasi*** - Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi; dan

10. ***Kesegeraan*** - Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian

45. Saya amat mengharapkan kejayaan tahun 2019 diteruskan dan diperhebatkan lagi pada tahun 2020 dan tahun-tahun mendatang, ***'we should learn from the past and***

move forward for a better achievement. Tingkatkan semangat kerja berpasukan, berikan komitmen yang tinggi kepada kerja, kesabaran, kurang jurang perselisihan faham sesama kita dan akhirnya ini akan menentukan kejayaan PLANMalaysia di masa akan datang.

46. Kita adalah satu jabatan kecil jika dibandingkan dengan agensi-agensi lain. Kita perlu membuktikan bahawa PLANMalaysia adalah sentiasa

relevan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Walaupun tenaga kerja di Jabatan ini kecil, kita perlu buktikan bahawa kualiti kerja adalah lebih penting berbanding kuantiti tenaga kerja dalam sesebuah organisasi. Justeru itu, kita perlu bantu-membantu antara satu sama lain untuk meningkatkan kualiti kerja di Jabatan ini, “**do not work in silos**’. Kita adalah satu keluarga dan komunikasi sesama kita amat penting dan perlu sentiasa

dipertingkatkan. Sekiranya ini
diamalkan, saya percaya,
PLANMalaysia akan terus menjadi
sebuah organisasi yang relevan dan
cemerlang di negara ini.

47. Akhir kata, saya ingin merakamkan
ucapan terima kasih kepada
Bahagian Korporat selaku urusetia
dan semua yang terlibat dalam
menjayakan Perhimpunan Awal
Tahun 2020 ini. Semoga kita semua
terus diberikan kesihatan yang baik

dan kekuatan dari Ilahi untuk
melaksanakan amanah yang
diberikan dengan baik dan sempurna.

Selamat bertugas!

Sekian terima kasih.